

SOALAN LAZIM BORANG B

S1: Siapakah yang perlu mengisi Borang B?

J1: Borang B perlu diisi oleh individu berikut:

- Individu yang bermastautin di Malaysia.
- Menjalankan perniagaan di dalam tahun yang ditaksir.

S2: Apakah perbezaan di antara Borang BE dan B?

J2: Borang BE - pendapatan di bawah Sek 4(b) – 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan diisi oleh individu pemastautin yang mempunyai punca pendapatan selain daripada perniagaan.

Borang B - pendapatan di bawah Sek 4(a) – 4(f) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan diisi oleh individu yang mempunyai punca pendapatan perniagaan (tunggal) atau perkongsian.

S3: Bolehkah saya melaporkan pendapatan perniagaan saya jika saya menerima Borang BE?

J3: Tidak boleh. Pendapatan perniagaan perlu dilaporkan dalam Borang B.

S4: Bolehkah saya melaporkan pendapatan penggajian saya jika saya menerima Borang B?

J4: Borang B boleh digunakan untuk melaporkan pendapatan penggajian. Tetapi Borang B dengan punca penggajian sahaja mestilah dihantar sebelum atau pada 30hb April. Jika ada baki cukai kena dibayar, bayaran cukai juga perlu di bayar sebelum atau pada 30hb April. Walau bagaimanapun tuan digalakkan untuk menggunakan borang yang betul iaitu Borang BE.

S5: Bilakah tarikh akhir mengembalikan Borang B?

J5: Tarikh akhir pengembalian Borang B ialah pada 30 Jun setiap tahun.

S6: Bilakah tarikh akhir mengembalikan Borang B sekiranya saya memilih taksiran bersama atas nama pasangan?

J6: Dalam kes taksiran bersama, jika isteri atau suami menjalankan perniagaan, tarikh akhir pengembalian kedua-dua borang suami dan isteri iaitu Borang B atau BE ialah pada 30 Jun.

S7: Saya mempunyai punca pendapatan penggajian dan telah menerima Borang BE, manakala isteri saya yang mempunyai punca pendapatan perniagaan telah menerima Borang B. Bilakah tarikh akhir pengembalian kedua-dua Borang jika memilih taksiran bersama dan jika memilih taksiran berasingan?

J7: Jika memilih Taksiran Bersama - Tarikh akhir pengembalian Borang B dan BE pada 30 Jun. Dan jika memilih Taksiran Berasingan – Tarikh akhir pengembalian Borang BE pada 30 April dan Borang B pada 30 Jun.

S8: Di manakah saya perlu menghantar Borang B?

J8: i) Sekiranya borang tersebut dihantar melalui pos ;

Sila kembalikan ke alamat berikut :

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Pusat Pemprosesan,
Menara Hasil,
No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor.

ii) Selain itu, anda boleh menghantar Borang B secara e-filing . Sila layari www.hasil.gov.my > e-Filing (<https://e.hasil.gov.my/>)

Jika anda menghantar borang menggunakan e-filing, anda tidak perlu lagi menghantar secara pos.

S9: Bolehkah saya menghantar Borang B melalui faks kerana saya kesuntukan masa untuk mengepos borang tersebut?

J9: Anda tidak dibenarkan menghantar Borang B melalui faks. Borang akan dianggap tidak sah dan tidak akan diproses. Sila hantar Borang B secara e-filing sekiranya kesuntukan masa untuk mengepos borang tersebut.

S10: Adakah saya akan dikenakan penalti sekiranya menghantar Borang B selepas tarikh 30 Jun?

J10: Ya. Anda akan dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967. LHDNM akan mengeluarkan notis taksiran di bawah subseksyen 90(3) dan pembayar cukai dikehendaki membuat bayaran cukai tambahan yang wujud akibat penalti lewat hantar borang (dan cukai asal sekiranya masih belum dijelaskan) dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis tersebut dikeluarkan.

S11: Sekiranya saya tidak menerima Borang B saya, bagaimanakah saya boleh mendapatkan borang tersebut?

J11: Anda digalakkan menghantar Borang B secara e-filing.

S12: Bolehkah saya menggunakan Borang B fotostat untuk tujuan penghantaran borang cukai pendapatan?

J12: Penggunaan borang fotostat adalah tidak dibenarkan kerana borang fotostat adalah tidak sah. Anda digalakkan menghantar Borang B secara e-filing.

S13: Bagaimana saya boleh mengemukakan Borang B secara e-filing?

J13: Untuk menggunakan e-filing buat kali pertama, sila dapatkan No. PIN terlebih dahulu.

No. PIN boleh didapati melalui:

1. Cawangan LHDNM yang berhampiran
2. Permohonan secara atas talian melalui Borang Maklumbalas di portal LHDNM <http://maklumbalas.hasil.gov.my/>

S14: Pada awal tahun pendapatan saya hanyalah daripada gaji sahaja, namun pada pertengahan tahun saya mula berniaga secara kecil-kecilan. Adakah saya perlu mengisi kedua-dua Borang B dan BE?

J14: Anda hanya perlu mengisi Borang B sahaja jika anda mempunyai pendapatan perniagaan dan juga anda perlu mengembalikan Borang B selewat-lewatnya pada 30 Jun. Sila isikan pendapatan penggajian anda dalam borang B yang sama.

S15: Saya ada menerima Borang B suami yang baru sahaja meninggal dunia. Walau bagaimanapun, Borang B untuk diri saya masih belum diterima. Bolehkah saya mengisi sahaja Borang B suami (arwah/mendiang) dan kembalikan ke LHDNM?

J15: Puan tidak dibenarkan berbuat demikian. Puan dikehendaki melaporkan pendapatan suami yang diperolehi dalam tahun kalendar sehingga tarikh kematian suami di dalam Borang B yang diterima. Sila kembalikan borang tersebut ke LHDNM. Puan dikehendaki mengemukakan surat maklumat berserta salinan sijil kematian bagi tujuan kemaskini di fail cukai pendapatan suami.

Manakala bagi tujuan pengembalian Borang B untuk diri sendiri, puan digalakkan untuk membuat penghantaran secara e-filing.

S16: Saya menerima dua Borang B untuk Tahun Taksiran yang sama tetapi di bawah nombor rujukan cukai pendapatan yang berlainan. Borang yang mana satukah yang perlu saya isi?

J16: Sila hubungi talian LHDNM 1-800-88-5436 (LHDN) untuk mendapat kepastian nombor fail yang aktif sebelum mengisi dan menghantar Borang Nyata. Sila isi dengan lengkap Borang Nyata dengan nombor rujukan yang aktif sementara Borang Nyata dengan nombor rujukan yang tidak aktif dipulangkan semula ke Pusat Pemprosesan dengan menyertakan bersama surat iringan memaklumkan nombor fail tersebut adalah yang tidak aktif / tidak tepat .

S17: Bagaimanakah saya boleh mengetahui bahawa Borang B saya telah diterima oleh LHDNM? Saya bimbang sekiranya borang tersebut tidak diterima dan saya dikenakan penalti.

J17: Anda boleh menghubungi talian LHDNM di 1-800-88-5436 untuk mengetahui status penerimaan Borang B anda.

S18: Sekiranya Borang B saya diproses di Pusat Pemprosesan LHDNM, adakah bermakna fail cukai pendapatan saya juga telah dipindahkan dari cawangan sekarang ke Pusat Pemprosesan LHDNM?

J18: Fail cukai pendapatan tuan masih lagi dikendalikan di cawangan tuan sekarang. Di bawah Sistem Taksir Sendiri, semua borang cukai pendapatan akan diproses secara berpusat di Pusat Pemprosesan LHDNM.

S19: Saya ingin mengetahui bilakah saya akan menerima Borang J saya kerana saya ingin mengetahui jumlah cukai sebenar saya.

J19: Di bawah Sistem Taksir Sendiri, notis taksiran (Borang J) tidak lagi dikeluarkan kepada pembayar cukai. Borang Nyata yang diisi dengan lengkap dan dikemukakan kepada LHDNM sebelum atau pada 30 Jun disifatkan sebagai notis taksiran.

S20: Kenapa saya perlu menyimpan rekod-rekod perniagaan selama 7 tahun?

J20: Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan cukai perlu disimpan selama tujuh (7) tahun bermula dari akhir tahun dalam mana borang cukai pendapatan telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak. Rujukan di bawah Seksyen 82(1)(a).

S21: Apakah tindakan yang akan diambil oleh LHDNM sekiranya saya tidak menyimpan rekod-rekod perniagaan saya?

J21: Sekiranya tuan tidak menyimpan rekod-rekod perniagaan tuan, di bawah seksyen 119A, ACP 1967, tuan boleh didakwa di mahkamah dan jika disabitkan kesalahan, tuan boleh dikenakan denda tidak kurang RM300 dan tidak lebih RM10,000 atau dipenjarakan tidak kurang satu tahun atau kedua-duanya sekali.

S22: Bolehkah saya hanya mengisi Borang B di bahagian Butiran Peribadi dan tandatangan sahaja dan kemudian menghantar borang tersebut bersama-sama dengan penyata pendapatan perniagaan saya dan bil-bil tuntutan yang lain?

J22: Tidak boleh. Borang B tuan akan dianggap sebagai tidak lengkap dan akan dikembalikan kepada tuan untuk diisi dengan lengkap. Di bawah Sistem Taksir Sendiri, tuan tidak perlu mengemukakan rekod-rekod perniagaan dan bil-bil tuntutan. Tuan dikehendaki menyimpan rekod-rekod berkenaan selama 7 tahun bagi tujuan rujukan dan semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.

- S23: Selepas saya menghantar Borang B, saya menyedari bahawa saya telah melaporkan pendapatan yang tidak tepat. Perlukah saya mengisi borang yang baru dan hantar semula ke Pusat Pemprosesan LHDNM?**
- J23: Tuan tidak dibenarkan menghantar borang cukai pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran lebih daripada sekali. Walaubagaimanapun, tuan dinasihatkan menghantar surat rayuan (yang menyatakan kesilapan yang telah dibuat), dokumen sokongan dan membuat pengiraan semula ke cawangan yang mengendalikan fail tuan. Namun, sekiranya pindaan tersebut melibatkan pendapatan terkurang lapor atau pelepasan terlebih lapor yang mengakibatkan cukai atau cukaitambahan dikenakan, tuan perlu mengisi Borang Nyata Terpinda B. Borang Nyata Terpinda yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan tuan.
- S24: Apakah tindakan yang akan diambil sekiranya LHDNM mendapati pendapatan yang dilaporkan di dalam Borang B adalah kurang?**
- J24: Taksiran tambahan berserta penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 akan dibangkitkan.
- S25: Saya telah berhenti berniaga kira-kira 2 tahun yang lalu dan tiada pendapatan lain tetapi setiap tahun saya masih lagi menerima Borang B daripada LHDNM. Perlukah saya mengisi borang tersebut atau saya hanya perlu mengemback sahaja (tanpa mengisi) borang tersebut?**
- J25: Tuan masih perlu melengkapkan borang tersebut. Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja. Ruangan yang tidak berkenaan tidak perlu diisi serta tandatangan dan kembalikan kepada LHDNM sebelum/pada 30 Jun setiap tahun. Walau bagaimanapun, tuan boleh memohon secara bertulis berserta alasan ke cawangan yang mengendalikan fail tuan, supaya tidak lagi mengeluarkan borang pada masa akan datang.

S26: Bagaimana pula sekiranya saya telah berhenti berniaga dan kini hanya menerima pendapatan penggajian sahaja. Bolehkah saya mengisi borang B yang telah saya terima dan bilakah tarikh akhir penghantaran borang tersebut?

J26: Sekiranya anda tidak lagi menjalankan perniagaan dan hanya menerima pendapatan penggajian tetapi menerima Borang B, anda boleh sama ada:

- a. Menggunakan borang tersebut untuk membuat pengisytiharan pendapatan yang diterima.

Sila isikan ruangan yang berkenaan sahaja. Ruangan yang tidak berkenaan tidak perlu diisi,

ATAU

- b. Membuat penukaran kepada Borang BE dengan terus membuat pengisian Borang e-BE secara e-Filing.

Tarikh akhir penghantaran Borang BE adalah pada 30 April setiap tahun.

S27: Saya adalah seorang ejen hartanah/saham/insurans/jualan langsung tetapi tidak mendaftarkan perniagaan tersebut dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Borang apakah yang perlu saya isi?

J27: Jenis borang yang perlu diisi tidak bergantung sama ada anda telah mendaftarkan perniagaan tersebut dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau tidak. Ia bergantung kepada punca pendapatan yang diterima oleh tuan sama ada perniagaan atau tidak. Komisen yang diterima oleh seorang ejen bebas adalah dianggap sebagai punca pendapatan perniagaan. Oleh yang demikian, anda perlu melaporkan pendapatan komisen tersebut di ruangan Pendapatan Berkanun Faedah, Diskaun, Royalti, Premium dan bayaran berkala lain Borang B.

S28: Saya hanya menjalankan perniagaan kecil-kecilan dan tidak pernah menyimpan rekod-rekod perniagaan. Penyata untung rugi disediakan berdasarkan anggaran. Bagaimana saya hendak mengisi Borang B?

J28: Bagi pengisian Borang B, anda boleh merujuk kepada helaian kerja HK-1, Buku Panduan Borang B sebagai garis panduan. Penentuan sama ada pengiraan anda akan diterima atau tidak, akan diketahui apabila anda diaudit oleh pegawai LHDNM. Anda dinasihatkan supaya menyimpan rekod perniagaan dengan kemas dan teratur mengikut peruntukan seksyen 82 dan 82A, ACP 1967. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan anda boleh didakwa di mahkamah dan dikenakan denda tidak kurang dari RM300 dan tidak melebihi RM10,000 atau penjara 12 bulan atau keduanya jika sabit kesalahan. (Rujuk Ketetapan Umum Bil 5/2000 (Pindaan) bertarikh 30 Jun 2001).

S29: Di manakah saya boleh mendapatkan Buku Panduan Borang B?

J29: Tuan boleh melayari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Borang > Borang Nyata > Muat Turun : Individu > Tahun Taksiran > Buku Panduan Borang B.

S30: Bagaimana saya hendak mengetahui mengenai rekod-rekod yang perlu disimpan dan cara menyediakan Penyata Untung Rugi dan Kunci Kira-kira yang betul?

S30: Sila rujuk kepada Ketetapan Umum Bil 5/2000 (Pindaan) yang boleh diperolehi di www.hasil.gov.my berhubung penyimpanan rekod yang mencukupi. Selain itu, anda boleh hadir ke mana-mana cawangan LHDNM yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat atau mendapatkan khidmat dari mana-mana akauntan atau ejen cukai bertauliah.

S31: Saya telah melakukan sedikit kesilapan semasa mengisi Borang B, bolehkah saya menggunakan pemadam cecair untuk membetulkannya?

J31: Anda tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair untuk membuat pembetulan. Sekiranya berlaku kesilapan, sila potong kesilapan yang dibuat dan tulis pembetulan di atas ruangan yang dipotong tadi. Pastikan anda tandatangan ringkas di sebelah pembetulan yang dibuat.

- S32: Jika saya telah memulakan perniagaan tunggal dan saya juga merupakan seorang Pengarah di sebuah syarikat Sendirian Berhad, perlukah saya mengisi dua Borang berlainan untuk melaporkan dua punca pendapatan tersebut?**
- J32: Anda tidak perlu mengisi dua borang yang berlainan. Sila isi Borang B kerana anda mempunyai pendapatan perniagaan. Pendapatan berkanun perniagaan perlu dilaporkan di ruangan C1 manakala pendapatan pengajian sebagai pengarah perlu dilaporkan di ruangan C10(pengajian).
- S33: Bagaimanakah saya hendak melaporkan pendapatan dari perkongsian sekiranya sehingga tarikh akhir penghantaran Borang B saya masih belum menerima CP30?**
- J33: Sekiranya sehingga 30 Jun, CP30 (maklumat Pembahagian Pendapatan Perkongsian) masih belum diterima, anda dinasihatkan membuat anggaran setepat mungkin terhadap pendapatan pembahagian perkongsian. Anda dikehendaki melaporkan pendapatan perkongsian sebenar dengan segera di cawangan LHDNM yang mengendalikan fail anda bersama surat iringan apabila CP30 diperolehi.
- S34: Jika seseorang menerima yuran konsultan atau komisen secara sampingan daripada sesuatu syarikat, adakah pendapatan ini dianggap sebagai punca pendapatan perniagaan atau bukan perniagaan?**
- J34: Pendapatan komisen secara sampingan dari sesebuah syarikat adalah dianggap sebagai punca pendapatan perniagaan dan anda dikehendaki mengisi Borang B bagi melaporkan pendapatan tersebut.
- S35: Sekiranya bayaran komisen di atas diterima sekali gus sahaja atau bulanan, adakah bayaran kepada LHDNM perlu dibuat semasa bayaran diterima ataupun apabila borang cukai tahunan difailkan?**
- J35: Sila buat bayaran apabila borang cukai tahunan difailkan iaitu pada atau sebelum 30 Jun.

S36: Bagaimana saya boleh merayu untuk meminda jumlah bayaran ansuran CP500?

J36: Sila hantar borang CP502. Borang CP502 kebiasaanya dilampirkan bersama notis CP500 yang telah dihantar kepada pembayar cukai. Permohonan pindaan bayaran ansuran ini hendaklah dibuat tidak lewat dari 30 Jun bagi tahun yang berkaitan. Sila hantar permohonan ke cawangan LHDNM di mana fail cukai pendapatan anda dikendalikan.

S37: Apakah kod yang digunakan jika membuat pembayaran baki cukai kena dibayar bagi kes perniagaan sekiranya bayaran dibuat di bank?

J37: Kod bayaran cukai untuk Tahun Taksiran Semasa ialah 084.

S38: Bolehkah saya membuat bayaran baki cukai kena dibayar secara tunai di Pusat Pemrosesan LHDNM?

J38: Tidak boleh. Bayaran cukai pendapatan hanya boleh di buat secara :

- i. Atas talian dengan sistem ByrHasil
(<https://epayment.hasil.gov.my/fpx/one.php>)
- ii. Kaunter ejen bank yang dilantik. Sila lihat senarai di portal rasmi LHDNM
- iii. Kaunter bayaran LHDNM di :
 - a. Jalan Duta, Kuala Lumpur
 - b. Kuching, Sarawak
 - c. Kota Kinabalu, Sabah

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Julai 2014